

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' ABD MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

TARIKH :

SOALAN :

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah agensi Kerajaan, agensi swasta dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) di seluruh negara telah menandatangani ikrar integriti korporat.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha-usaha pencegahan rasuah bukan sahaja menjadi tanggungjawab pihak Kerajaan tetapi merupakan tanggungjawab bersama semua pihak terutamanya pihak swasta yang merupakan organisasi kedua penting selepas agensi kerajaan. Untuk

menunjukkan komitmen yang lebih telus dan jitu di pihak swasta, maka Ikrar Integriti Korporat (CIP) telah dilaksanakan di pihak swasta.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 September 2014, jumlah agensi yang telah menandatangani CIP adalah seperti berikut:

Agensi Kerajaan :	53 Kementerian/Jabatan
Agensi swasta :	380 syarikat
NGO :	17 pertubuhan

Sekian, terima kasih